

Siasat firma seleweng duit zakat RM9.62 juta

Polis akan panggil individu terbabit dalam masa terdekat

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis menyiasat sebuah syarikat dilantik sebagai ejen kutipan zakat oleh Majlis

Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) selepas disyaki menyeleweng kutipan zakat sebanyak RM9.62 juta.

Siasatan dijalankan selepas syarikat terbabit dipercayai gagal menandatangani wang zakat bermula Mac hingga September 2023.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata kes itu antara empat kes jenayah pecah amanah berkait kutipan zakat sepanjang tahun lalu.



Ramli menunjukkan jumlah kes komersial bagi tahun 2019-2023 pada sidang media bersama Pengarah JSJK di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Katanya, dua kes lain direkodkan di Selangor diikuti satu kes di Terengganu, selain satu kes di Perak itu dengan jumlah keseluruhan kerugian berjumlah RM9.71 juta.

“Kes di Perak mencatatkan nilai kerugian tertinggi, iaitu RM9,629,682.00 selepas disyaki gagal menandatangani wang kutipan zakat dan kes disiasat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan.

“Siasatan masih dijalankan

dan ada individu yang akan dipanggil dalam masa terdekat,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Tindakan tegas

Sehubungan itu, Ramli menegaskan JSJK memberikan amaran keras kepada pelaku jenayah ini bahawa tindakan tegas selaras dengan peruntukan undang-undang akan diambil bagi memastikan jenayah sebegini tidak berulang.

Jelas beliau, kes sebegini amat mendukacitakan apabila wang zakat juga turut diseleweng oleh individu diamanahkan untuk mengutip wang terbabit.

“Perkara ini tidak sewajarnya berlaku kerana zakat adalah satu daripada lima rukun Islam yang menjadi pegangan setiap Muslim. “Sewajarnya, wang kutipan zakat diuruskan dengan baik dan penuh amanah agar ianya dapat dimanfaatkan sesuai dengan kehendak agama,” katanya.